

**LAMPIRAN 4****KETERANGAN MENGENAI MAKLUMAT DALAM e-PERMOHONAN RMKe-10 MELALUI SISTEM PEMANTAUAN PROJEK (SPP) II**

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	MP (Maksud Pembangunan)	Maksud Pembangunan adalah kod bagi kementerian berdasarkan Buku Bajet Persekutuan.  Contoh: 06 - Jabatan Perdana Menteri.
2.	Butiran	Butiran adalah kod bagi program nasional RMKe-10.  Contoh: 01000 - Program Pembasmian Kemiskinan.  Bagi projek sambungan, nombor butiran perlu diubah berdasarkan program nasional RMKe-10.
3.	Siri (3)	Nombor mengikut turutan.
4.	Siri (4)	Nombor mengikut turutan.
5.	Kod Teras	Kod bagi lima teras Misi Nasional.
6.	Teras	Merupakan lima teras Misi Nasional.
7.	Kod KRA Nasional (NKRA)	Kod bagi KRA Nasional (NKRA).
8.	KRA Nasional (NKRA)	Merupakan enam KRA Nasional.
9.	Kod KRA RMKe-10	Kod bagi KRA RMKe-10.

**LAMPIRAN 4**

36

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
10.	KRA RMKe-10	Merupakan KRA atau Bidang Keberhasilan Utama RMKe-10. Sila rujuk Lampiran 1 Garis Panduan Kedua Penyediaan RMKe-10.
11.	Kod <i>Outcome</i> KRA RMKe-10	Kod bagi <i>outcome</i> KRA RMKe-10.
12.	<i>Outcome</i> KRA RMKe-10	Merupakan <i>outcome</i> bagi setiap KRA RMKe-10. Sila rujuk Lampiran 1 Garis Panduan Kedua Penyediaan RMKe-10.
13.	KPI	Merupakan KPI bagi <i>outcome</i> KRA RMKe-10.
14.	Kedudukan Semasa	Kedudukan semasa.
15.	Sasaran RMKe-10	Sasaran RMKe-10.
16.	Kod program nasional RMKe-10	Kod bagi program nasional RMKe-10.
17.	Program nasional RMKe-10	Senarai program di peringkat nasional yang akan dilaksana dalam RMKe-10. Sila rujuk Lampiran 1 Garis Panduan Kedua Penyediaan RMKe-10.
18.	Kod KRA Kementerian	Kod bagi KRA Kementerian.
19.	KRA Kementerian	KRA di peringkat kementerian yang menyokong KRA RMKe-10.
20.	Kod <i>Outcome</i> KRA Kementerian	Kod bagi <i>outcome</i> KRA Kementerian.
21.	<i>Outcome</i> KRA Kementerian	Merupakan <i>outcome</i> bagi setiap KRA Kementerian.
22.	KPI Kementerian	Merupakan KPI bagi <i>outcome</i> KRA Kementerian.

**LAMPIRAN 4**

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
23.	Kedudukan Semasa	Kedudukan semasa.
24.	Sasaran RMKe-10	Sasaran RMKe-10.
25.	Kod Program Kementerian	Kod bagi program kementerian.
26.	Program Kementerian	Program yang dicadang untuk dilaksana oleh kementerian dalam RMKe-10.
27.	Keterangan Program	Latar belakang mengenai program dan hubungkaitnya dengan program nasional RMKe-10.
28.	Projek	<p>Projek yang dicadang untuk dilaksana yang menyumbang kepada pencapaian <i>outcome</i> sesuatu program di peringkat kementerian.</p> <p>Nama projek yang dicadang hendaklah tepat dan tidak terlalu panjang.</p> <p>Contohnya: Pembinaan Klinik Desa di Segamat, Johor  <b>BUKAN</b> Pembinaan Sebuah KD di Segamat, Johor.</p>
29.	Keterangan Projek	Penjelasan mengenai cadangan projek dan bagaimana hubungkaitnya dengan program di peringkat kementerian.

**LAMPIRAN 4**

38

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
30.	Kumpulan Sasar	<p>Individu/pihak yang akan mendapat faedah/manfaat daripada pelaksanaan projek tersebut.</p> <p>Contoh 1: Membina 5 blok rumah kos rendah di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.</p> <p>Kumpulan sasar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- setinggan yang terlibat</li> <li>- golongan yang berpendapatan rendah</li> </ul> <p>Contoh 2: Skim Pinjaman Mudah Enterpris Kecil Sederhana (<i>Soft Loan Scheme SME</i>).</p> <p>Kumpulan sasar: Enterpris Kecil Sederhana yang sedia ada dan syarikat baru.</p>
31.	Faedah Projek	Menyatakan faedah/hasil yang diharap atau dijangkakan daripada pelaksanaan projek tersebut.
32.	Justifikasi Projek	Justifikasi pemilihan projek yang menjelaskan bagaimana projek ini dapat menyumbang kepada <i>outcome</i> program.
33.	Keutamaan Projek ( <i>Ranking</i> )	Susunan keutamaan projek mengikut keutamaan kementerian.
34.	Jenis Kategori (Fizikal-A/Bukan Fizikal-B)	<p><b>Projek fizikal</b> adalah seperti bangunan, jalan dan jambatan.</p> <p><b>Projek bukan fizikal</b> adalah seperti dana, ekuiti dan latihan.</p>

**LAMPIRAN 4**

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
35.	Skop	<p>Skop atau komponen projek secara terperinci.</p> <p>Skop/komponen projek juga hendaklah menggambarkan aktiviti program/projek tersebut.</p> <p>Contoh 1: <b>Institut Latihan Perguruan di Nilai, Seremban.</b></p> <p>Skop projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) sebuah blok pentadbiran 6 tingkat;</li> <li>(ii) sebuah blok akademik yang mengandungi 12 bilik kuliah, 6 bilik latihan, 6 makmal dan 3 bilik perbincangan;</li> <li>(iii) 2 blok asrama lelaki mengandungi 100 bilik;</li> <li>(iv) 2 blok asrama perempuan mengandungi 100 bilik;</li> <li>(v) dewan serbaguna dengan kapasiti 1,000 orang;</li> <li>(vi) sebuah surau dengan kapasiti 300 orang; dan</li> <li>(vii) keperluan lain yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</li> </ul> <p>Contoh 2: <b>Biotechnology Commercialisation Fund</b></p> <p>Skop projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menyediakan pembiayaan dalam bidang keutamaan bioteknologi untuk merapatkan jurang antara pembiayaan Kerajaan dan swasta yang sedia ada; dan</li> <li>(ii) menyediakan pembiayaan dan modal kepada syarikat bioteknologi untuk mengkomersilkan produk dan perkhidmatan bioteknologi yang berdaya saing.</li> </ul>

**LAMPIRAN 4**

04

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
36.	Kod Agensi	Kod bagi agensi.
37.	Agensi	Agensi pemilik bagi sesuatu projek.  Contoh: Polis Diraja Malaysia
38.	Kod Seksyen	Kod seksyen di UPE, JPM.
39.	Seksyen	Seksyen di UPE, JPM yang bertanggungjawab menyelaras projek di peringkat agensi pusat.
40.	Kod Sektor	Kod bagi sektor utama.
41.	Sektor	Empat sektor utama, iaitu:  1. ekonomi; 2. sosial; 3. keselamatan; dan 4. pentadbiran am.
42.	Kod Sub Sektor	Kod Sub Sektor.
43.	Sub Sektor	Senarai sub sektor di bawah empat sektor utama. Contoh: Pendidikan dan latihan.
44.	Kod Negeri	Kod bagi negeri.
45.	Negeri	Lokasi bagi projek yang dilaksana di sesebuah negeri. Bagi projek yang melibatkan dua negeri atau lebih, dikategorikan sebagai pelbagai.

**LAMPIRAN 4**

14

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
46.	Kod Daerah	Kod bagi daerah.
47.	Daerah	Lokasi bagi daerah di mana projek dilaksana di sesebuah negeri.
48.	Kod DUN	Kod bagi Dewan Undangan Negeri (DUN).
49.	DUN	Nama DUN di mana projek dilaksana.
50.	Kod Parlimen	Kod bagi Parlimen.
51.	Parlimen	Nama kawasan Parlimen di mana projek dilaksana.
52.	Kawasan	Lokasi projek dilaksana, iaitu di bandar, luar bandar atau di kedua-dua tempat.
53.	Kos Dipohon	Anggaran kos yang diperlukan bagi melaksanakan projek. Anggaran kos ini hendaklah diteliti oleh Unit Teknikal kementerian atau Jabatan Teknikal.
54.	Kos Kajian	Kos bagi menjalankan kajian.  Contohnya: Kajian kemungkinan.
55.	Kos Perunding	Kos bagi projek yang menggunakan khidmat perunding seperti perunding arkitek, juru ukur, jurutera mekanikal atau perunding profesional yang lain.
56.	Kos Perolehan Tanah	Kos ini termasuk kos pengambilan tanah atau pembelian atau bayaran premium tanah.
57.	Kos Kerja Awalan	Kos ini termasuk kos untuk kerja menambak tanah (bagi tanah paya, curam, berbukit dan sebagainya), reka bentuk, penyediaan tender, ukur tanah dan sebagainya.

**LAMPIRAN 4**

42

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
58.	Kos Binaan (seperti bangunan)	Merujuk kepada kos pembinaan sesuatu projek.
59.	Spesifikasi Teknikal	<p>Nyatakan spesifikasi teknikal bagi projek yang dicadangkan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Nyatakan anggaran keluasan ruang lantai berdasarkan skop atau komponen projek bagi projek bangunan; dan</li> <li>(ii) Nyatakan panjang jalan atau jambatan, luas/panjang jeti, kapasiti empangan projek bekalan air bagi projek infrastruktur.</li> </ul>
60.	Kos Binaan Lain (jalan raya, jeti, loji rawatan)	Kos binaan lain yang tidak termasuk dalam skop projek bermaksud kos yang diperlukan untuk membina kerja-kerja luaran seperti jalan masuk, membina paip air dari paip utama ke tapak projek, membina jambatan ke tapak projek, lanskap dan sebagainya.
61.	Kos Kerja Mekanikal dan Elektrikal	Kos penyediaan dan pengurusan sistem mekanikal serta elektrikal seperti pendawaian elektrik dan pemasangan kabel dalam bangunan.
62.	Kos Alat Jentera dan Peralatan	Kos pembelian dan pemasangan termasuk kos pengangkutan.
63.	Kos Pemasangan dan Kelengkapan ICT	Kos infrastruktur, pemasangan dan kelengkapan ICT seperti perolehan komputer, <i>server</i> dan pencetak, pemasangan rangkaian dan lain-lain yang berkaitan dengan pembangunan sistem.
64.	Kos Perabot dan Kelengkapan	Kos perabot dan kelengkapan mengikut standard dan norma asas sesebuah bangunan yang membolehkan ianya berfungsi sepenuhnya.

**LAMPIRAN 4**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
65.	Kos Input Perladangan	Kos untuk tanam semula tanaman seperti kelapa sawit dan koko. Kos ini termasuk pembelian benih, baja tanaman dan lain-lain yang berkaitan. Selain itu, butiran ini juga termasuk pemberian pinjaman mudah untuk pekebun seperti pekebun kelapa sawit.
66.	Kos Input Penternakan	Penyediaan pinjaman untuk pembelian ternakan kepada usahawan bagi mengembangkan perniagaan seperti penternak lembu dan kambing. Pemberian pinjaman mudah kepada penternak ikan atau nelayan untuk membeli benih ikan.
67.	Jumlah Dana	Nyatakan jumlah yang diperlukan untuk menubuhkan dana.
68.	Jumlah Subsidi	Nyatakan jumlah yang diperlukan untuk subsidi.
69.	Jumlah Bayaran Utiliti dan Bayaran Lain	Yuran atau bayaran yang perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan atau syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain.
70.	Kos-kos Lain	Nyatakan kos lain, sekiranya ada. Berikan jumlahnya bagi setiap item.
71.	Siling Dipohon	Keperluan siling peruntukan untuk tempoh dua tahun (2011-2012).  Sekiranya projek akan dilaksanakan secara berfasa, siling peruntukan yang dipohon hanya merangkumi kos pembangunan yang merangkumi fasa yang terlibat sahaja.
72.	Keperluan Aliran Tunai 2011-2015	Menyatakan keperluan aliran tunai mengikut tahun untuk 2011-2015.
73.	Kaedah Pembiayaan	Menyatakan sama ada projek ini dibiayai secara langsung (geran) atau secara pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.
74.	Pemilikan Tapak	Sama ada projek ini telah memiliki tapak atau tidak.

**LAMPIRAN 4**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
75.	Status Tapak/Tanah (No. Lot sekiranya ada)	Nyatakan nombor lot dan geran tanah.
76.	Syarat Kegunaan Tanah/Sekatan	Syarat kegunaan tanah yang dinyatakan dalam geran tanah.  Contohnya: pertanian, perniagaan, komersil.  Nyatakan sekiranya ada sekatan terhadap tanah berkenaan seperti kaveat.
77.	Cadangan Projek Selaras dengan Rancangan Tempatan	Nyatakan sama ada projek yang akan dilaksana adalah selaras dengan Rancangan Tempatan yang disedia oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di kawasan berkenaan.
78.	Cadangan Kegunaan Tanah Telah Dibincang ke Jawatankuasa Perancang Negeri	Nyatakan sama ada projek yang akan dilaksana telah dibincang dengan Jawatankuasa Perancang Negeri atau Majlis Tindakan Persekutuan Di Peringkat Negeri.
79.	Reka Bentuk	Nyatakan sama ada reka bentuk projek telah disediakan atau tidak. Sekiranya ada, adakah reka bentuk tersebut akan digunakan untuk pelaksanaan projek ini atau perlu pengubahsuaian.
80.	Agensi Pelaksana	Agensi pelaksana bagi sesuatu projek.  Contoh: Jabatan Kerja Raya.
81.	Kategori Projek	Kategori projek bagi sesuatu projek.  Contoh: Projek Baru. Projek Sambungan.

**LAMPIRAN 4**

54

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
82.	Tempoh Pelaksanaan	<p>Nyatakan tempoh pelaksanaan projek dengan merujuk kepada jangkaan masa projek dimulakan dengan mengambil kira tempoh proses perolehan tanah, penyediaan tapak, penyediaan pelan reka bentuk, proses tender di peringkat kementerian, pembinaan sehingga projek siap.</p> <p>Jika projek tersebut adalah kajian, tempoh pelaksanaan merujuk kepada tarikh mula kajian hingga kajian tamat. (Tempoh pelaksanaan dinyatakan dalam ukuran bulan).</p>
83.	Tarikh Jangka Tender	Nyatakan tarikh projek dijangka untuk ditender.
84.	Tarikh Jangka Mula (Milik Tapak/Mula Kajian)	Tarikh jangka mula diambil kira daripada tarikh milik tapak bagi projek pembinaan atau tarikh mula kajian.
85.	Tarikh Jangka Siap	Tarikh projek siap dan diserah kepada kementerian.
86.	Bilangan Tambahan Perjawatan	<p>Merujuk kepada sebarang pertambahan perjawatan yang wujud berikutan pelaksanaan projek tersebut.</p> <p>Contohnya: Bagi pembinaan hospital baru,</p> <p>(i) Berapa bilangan pakar yang diperlukan oleh hospital ini bagi membolehkan ia berfungsi sepenuhnya?</p> <p>(ii) Nyatakan bilangan pertambahan perjawatan mengikut kategori perjawatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi merujuk kepada Gred Jusa C dan ke atas;</li> <li>b. Kumpulan Pengurusan dan Profesional merujuk kepada Gred 41-54; dan</li> <li>c. Kumpulan sokongan merujuk kepada gred bawah daripada Gred 41.</li> </ul>

**LAMPIRAN 4**

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
87.	Justifikasi Pertambahan Perjawatan	<p>Menyatakan justifikasi pertambahan perjawatan.</p> <p>Apakah kesannya sekiranya pertambahan perjawatan tidak dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.</p>
88.	Maklumat Tambahan	<p>Nyatakan maklumat yang boleh menyokong permohonan projek.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Nyatakan sama ada projek dicadang dibuat secara berfasa;</li><li>(ii) Menghuraikan sebarang halangan besar atau faktor umum lain yang berkemungkinan mendatangkan kesan yang besar ke atas projek; dan</li><li>(iii) Lain-lain maklumat yang perlu.</li></ul>